

Kampung Melayu Subang banjir

SHAHALAM – Hujan lebat kira-kira sejam mengakibatkan banjir di kawasan Kampung Melayu Subang, pagi kelmarin.

Hujan sejak jam 8.30 pagi itu menyebabkan beberapa rumah penduduk di Jalan Jati, Jalan Jambatan Resak, Jalan Merbau, Jalan Cempaka Kampung Melayu Subang ditenggelami air setinggi kira-kira 0.6 meter.

Penolong Pengarah Operasi

dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, tiada laporan mengenai kemalangan jiwa serta tiada mangsa dipindah ke pusat pemindahan.

“Pasukan bomba dihantar ke lokasi kejadian selepas menerima laporan. Punca banjir dipercayai akibat hujan lebat melebihi sejam serta air Sungai Damansara melimpah melepasi benteng,” katanya.